



جائتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIAH PERBICARAAN/ PERBICARAAN
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 6(103)
Takwim : 7 Jamadilawal 1444H
Tarikh : 2 Disember 2022

YAA Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 6 TAHUN 2022

KEPERLUAN PEMFAILAN KES TUNTUTAN NAFKAH ANAK BERSAMA KES TUNTUTAN/ PERMOHONAN PERCERAIAN ATAU PEMBUBARAN PERKAHWINAN (DENGAN KEHADIRAN SUAMI)

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 28 – 29 Rabiulakhir 1444H bersamaan 25 – 26 Oktober 2022 di Hotel The Pearl, Kuala Lumpur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Keperluan Pemfailan Kes Tuntutan Nafkah Anak Bersama Tuntutan/ Permohonan Perceraian atau Pembubaran Perkahwinan (dengan Kehadiran Suami) sepertimana di Jadual 1 dan hendaklah diuruskan seperti yang berikut:

1. Mana-mana pihak yang memfailkan tuntutan/ permohonan sepertimana di Jadual 1 hendaklah memfailkan bersama kes tuntutan nafkah anak di bawah seksyen 73¹, seksyen 79² atau seksyen 81³ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri dengan menggunakan kod pendaftaran sepertimana di Jadual 2.
2. Kes tuntutan nafkah anak sepertimana di Jadual 2 yang difailkan bersama dengan tuntutan/ permohonan sepertimana di Jadual 1 hendaklah dikecualikan daripada Majlis Sulh selepas pendaftaran kes.


¹Seksyen 72 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984 dan Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam, Sarawak 2001

²Seksyen 78 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984 dan Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam, Sarawak 2001

³Seksyen 80 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984 dan Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam, Sarawak 2001

3. Pendengaran bagi kedua-dua kes tersebut hendaklah ditetapkan pada tarikh yang sama mengikut kesesuaian dan mahkamah hendaklah mengambil perhatian terhadap kebajikan anak dari sudut nafkah sama ada kes tuntutan/ permohonan perceraian atau pembubaran perkahwinan tersebut diselesaikan segera atau sebaliknya.
4. Jika pihak-pihak berjaya mencapai persetujuan berkaitan dengan kadar nafkah anak, maka perintah kekal nafkah anak berdasarkan jenis kes di Jadual 2 hendaklah dikeluarkan.
5. Jika pihak-pihak tidak mencapai apa-apa persetujuan berkaitan dengan kadar nafkah anak, mahkamah hendaklah menetapkan suatu tarikh prosiding selanjutnya bagi kes tuntutan nafkah anak tersebut.
6. Mahkamah hendaklah memerintahkan nafkah sementara anak dengan kadar yang munasabah di bawah peruntukan perenggan 74(1)(c), subseksyen 74(2) dan (3)⁴ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri sebelum apa-apa persetujuan atau keputusan Mahkamah mengenai kadar nafkah seperti di perenggan 5.
7. Ketetapan di perenggan 6 tidak menghalang mana-mana pihak untuk memfailkan Permohonan Perintah Interim Nafkah Anak di Mahkamah Tinggi Syariah berdasarkan seksyen 202 Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta-merta.


DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

⁴ Perenggan 73(1)(c) Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984 dan Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam, Sarawak 2001.

JADUAL 1

**Kod Pendaftaran Kes Tuntutan/ Permohonan Berkaitan Perceraian/
Pembubaran Perkahwinan**

BIL.	JENIS KES	KOD BAHARU	KOD LAMA
1.	Tuntutan Fasakh	162	014
2.	Tuntutan Pengesahan Lafaz Cerai	152	054
3.	Tuntutan/ Permohonan Perceraian	151	055
4.	Tuntutan Khuluk/ Tebus Talak	154	056
5.	Tuntutan Pengesahan Cerai Taklik	153	057

JADUAL 2

Kod Pendaftaran Kes Berkenaan Tuntutan/ Permohonan Berkaitan Nafkah Anak

BIL.	JENIS KES	KOD BAHARU	KOD LAMA
1.	Tuntutan Nafkah Anak	251	024
2.	Tuntutan Nafkah Anak Angkat	253	-
3.	Tuntutan Nafkah Anak Tak Sah Taraf	252	084